



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2017/2018**

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KOD KURSUS : BBP 20202
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2018
JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN YANG DISEDIAKAN. KERTAS SOALAN HENDAKLAH DIPULANGKAN KEMBALI BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA BELAS (15) MUKA SURAT

1. Kewajipan am pekerja dinyatakan dalam:
 - A. Seksyen 14, OSHA 1994.
 - B. Seksyen 15, OSHA 1994.
 - C. Seksyen 16, OSHA 1994.
 - D. Seksyen 17, OSHA 1994.

2. Berikut adalah cara-cara mengurus aspek keselamatan dan kesihatan dengan mudah bagi sesebuah organisasi.
 - i. Mengenalpasti hazad/bahaya bagi semua proses kerja yang terlibat.
 - ii. Melantik kontraktor luar dalam melaksanakan KKP.
 - iii. Melakukan penaksiran bagi setiap risiko yang terlibat.
 - iv. Mengambil tindakan yang sepatutnya untuk mengawal risiko.
 - A. i, ii, dan iii sahaja.
 - B. i, iii, dan iv sahaja.
 - C. ii, iii, dan iv sahaja.
 - D. i, ii, iii, dan iv.

3. Berikut adalah fungsi utama JKPP , iaitu:
 - A. Menjalankan pemeriksaan di tempat kerja.
 - B. Menjalankan kajian jangka masa pendek.
 - C. Menjalankan kursus ketrampilan pemeriksa dandang.
 - D. Menyampaikan maklumat berkenaan teknologi terkini.

4. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) dibangunkan berdasarkan kepada:
 - A. *Plan Do Check Act (PDCA) model.*
 - B. *Action Do Prepare Close (ADPC) model.*
 - C. *Strengths Threats Weakness Opportunities (SWOT) model.*
 - D. *Plan Do Continuous Action (PDCA) model*

5. Berapakah tempoh masa jawatan lantikan di dalam Majlis Kualiti Alam Sekeliling berdasarkan Akta EQA 1974 (Akta 127)?
 - A. Bawah 1 tahun.
 - B. Bawah 2 tahun.
 - C. Bawah 3 tahun.
 - D. Bawah 4 tahun.

6. Berikut adalah antara program pengurusan risiko, kecuali:
 - A. ERP.
 - B. Jawatankuasa keselamatan.
 - C. Latihan.
 - D. Promosi.



TERBUKA

7. Berikut adalah fungsi utama NIOSH.
- Penyebaran maklumat.
 - Penyemakan semula akta.
 - Penyelidikan dan pembangunan.
 - Latihan dan pembangunan kurikulum.
- A. i, ii, dan iii sahaja.
B. i, iii, dan iv sahaja.
C. ii, iii, dan iv sahaja.
D. i, ii, iii, dan iv.
8. SOCSO merujuk kepada:
- A. *Safety and Security Society.*
B. *Social and Safey Society.*
C. *Social and Security Organization.*
D. *Safety and Security Organization.*
9. Antara berikut yang manakah bukan di bawah kategori hazard intrinsik?
- A. Elektrik.
B. Psikososial.
C. Fizikal.
D. Mekanikal.
10. Keperluan bagi penubuhan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan yang disebut dalam:
- A. Seksyen 30, OSHA 1994.
B. Seksyen 29, OSHA 1994.
C. Seksyen 30, FMA 1967.
D. Seksyen 29, FMA 1967.
11. Menurut Akta AKJ 1967 Peraturan 1970 menyatakan bahawa jentera tertentu memerlukan sijil kompetensi, kecuali:
- A. *Pressure Vessel.*
B. *Water Jet.*
C. *Hoisting Machine.*
D. *Steam Boiler.*
12. Kebarangkalian terjadi kemalangan bagi *conceivable* membawa maksud:
- A. Tidak pernah berlaku beberapa tahun.
B. Berkemungkinan berlaku pada masa.
C. Berpotensi terjadi dan bukan sesuatu yang luar biasa.
D. Tidak pernah berlaku dan mustahil terjadi.




TERBUKA

13. Pilih turutan proses pengurusan risiko yang betul.
- A. Bina isi, kenal pasti risiko, analisis risiko dan kawal risiko.
 - B. Bina isi, kenal pasti hazard, analisis hazard, dan kawal hazard.
 - C. Mesyuarat, kenal pasti risiko, analisis risiko dan kawal risiko.
 - D. Mesyuarat, kenal pasti hazard, analisis hazard, dan kawal hazard.
14. Seksyen 24 Akta 514 menyatakan tugas am pekerja adalah seperti berikut, kecuali:
- A. Bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan diri sendiri.
 - B. Bekerja sama dan terlibat dengan majikan berkenaan KKP.
 - C. Patuh dan menurut arahan berkaitan KKP.
 - D. Membeli peralatan keselamatan (PPE).
15. Majikan yang tidak patuh dan melanggar peraturan akta di dalam Akta 514 boleh dikenakan penalti.
- A. Maksimum RM 100,000, 24 bulan penjara atau kedua-duanya.
 - B. Maksimum RM 100,000, 12 bulan penjara atau kedua-duanya.
 - C. Maksimum RM 20,000, 12 bulan penjara atau kedua-duanya.
 - D. Maksimum RM 1000, 24 bulan penjara atau kedua-duanya.
16. Berikut adalah bahagian utama di dalam AKJ 1967, kecuali:
- A. Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan.
 - B. Penguatkuasaan dan Penyiasatan.
 - C. Orang yang Menjaga dan Perakuan Kekompetenan.
 - D. Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya dan Penyakit Berbahaya.
17. EQA 1974 menggariskan jenis-jenis pencemaran seperti di bawah, kecuali:
- A. Tanah.
 - B. Bunyi.
 - C. Getaran.
 - D. Atmosfera
18. Tujuan HIRARC adalah seperti berikut, kecuali:
- A. Untuk kenalpasti semua faktor yang boleh mendatangkan bahaya kepada pekerja.
 - B. Untuk menimbangkan peluang untuk berlakunya sesuatu kejadian dan kesan akibatnya.
 - C. Untuk majikan merancang, mengawal dan memantau langkah pencegahan risiko.
 - D. Untuk menganalisis dengan terperinci sebelum mengeluarkan kebenaran kerja.



TERBUKA

19.



RAJAH S19

RAJAH S19 menunjukkan model OSHMS menurut MS1722:2003, ruang kosong tersebut adalah:

- A. *Evaluation.*
 B. *Correction.*
 C. *Identification.*
 D. *Justification.*
20. Keterukkan kesan daripada kemalangan bagi *serious* membawa maksud:
- A. Tidak membawa kematian, tetapi hilang upaya kekal.
 B. Mati lebih daripada seorang dan merosakkan harta benda yang tidak boleh dibaiki.
 C. Tidak membawa kematian dan tidak hilang upaya kekal.
 D. Mati dan merosakkan harta benda yang masih boleh dibaiki.
21. Antara berikut yang manakah bukan dikelaskan sebagai hazard biologi?
- A. Darah dan nanah.
 B. Sengatan ular.
 C. Bakteria dan fungal.
 D. Kerosene.
22. Sumber atau keadaan yang berpotensi untuk menyebabkan kemudaratan dikenali sebagai:
- A. Bahaya.
 B. Hazard.
 C. Risiko.
 D. Kemalangan.

TERBUKA

23. Risiko matrik yang sederhana adalah pada skala:
- A. 5-12.
 - B. 4-12.
 - C. 5-16.
 - D. 4-16.
24. Kawalan risiko menggunakan pendekatan pengurusan, kecuali:
- A. Melaksanakan prosedur kerja selamat.
 - B. Melaksanakan penyeliaan dan latihan.
 - C. Membuat pusingan kerja.
 - D. Membuat bilik kedap bunyi dan bersih.
25. Komitmen daripada pengurusan dalam pengurusan risiko adalah seperti berikut, kecuali:
- A. Sumber yang mencukupi
 - B. Anugerah dan penghargaan.
 - C. Tenaga pekerja yang betul.
 - D. Masa yang mencukupi.
26. Tujuan pelaksanaan pengurusan risiko adalah:
- i. Faktor kemanusiaan.
 - ii. Faktor perundangan.
 - iii. Faktor kewangan.
 - iv. Faktor sosial.
- A. i, ii, dan iii sahaja.
 - B. i, iii, dan iv sahaja.
 - C. ii, iii, dan iv sahaja.
 - D. Semua di atas.
27. Kaedah ini menggunakan infografik dalam mengenal pasti risiko, punca dan kaedah kawalan.
- A. *Hazard Operabilty Studies.*
 - B. *Permit to Work.*
 - C. *Fault Tree Analysis.*
 - D. *Job Safety Analysis.*
28. HIRARC menjadi prinsip utama dalam mengurus keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Pilih seksyen yang berkaitan dengan kaedah tersebut.
- A. Seksyen 15, AKKP 1994.
 - B. Seksyen 14, AKKP 1994.
 - C. Seksyen 13, AKKP 1994.
 - D. Seksyen 12, AKKP 1994.

TERBUKA

29. Berikut adalah kaedah kawalan risiko, kecuali:
- A. Pemberhentian kerja di kawasan berlaku kemalangan.
 - B. Melaporkan kemalangan dan bahaya kepada JKPP.
 - C. Membuat pusingan dan penggiliran kerja.
 - D. Memakai baju bengkel dan kasut keselamatan.
30. Pengenal pastian hazard boleh dilakukan dengan menggunakan:
- i. Laporan polis dan hospital.
 - ii. Laporan audit dan pemeriksaan jentera.
 - iii. Manual pengguna mesin dan peralatan.
 - iv. Andaian dan jangkaan.
- A. i, ii, dan iii sahaja.
 - B. i, ii, dan iv sahaja.
 - C. i, iii, dan iv sahaja.
 - D. ii, iii dan iv sahaja.
31. Hazard kimia adalah seperti di bawah, kecuali:
- A. Peluntur.
 - B. Asid dan alkali.
 - C. Bakteria dan virus.
 - D. *Latex*.
32. Hazard mekanikal adalah seperti berikut, kecuali:
- A. *Crushing*.
 - B. *Shearing*.
 - C. *Lifting*.
 - D. *Cutting*.
33. Cara kemasukan bahan kimia adalah seperti berikut, kecuali:
- A. Suntikan.
 - B. Minuman.
 - C. Pengudaraan.
 - D. Pandangan.
34. Pilih singkatan yang salah.
- A. *EC – Engineering Control*.
 - B. *AC – Administrative Control*.
 - C. *IC – Isolation Control*.
 - D. *EC – Eliminate Control*.

TERBUKA

35. Apakah maksud asas tentang keselamatan?
- A. Melindungi badan dan fikiran pekerja dari kesakitan akibat dari bahan, proses atau cara di tempat kerja.
 - B. Langkah-langkah dan amalan pencegahan dan mengurangkan risiko tentang kematian, kecederaan atau kerosakan hartabenda atau persekitaran.
 - C. Kelengkapan untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan individu di tempat kerja.
 - D. Hal - hal yang terdedah kepada bahaya.
36. Kaedah penilaian risiko adalah:
- i. *Qualitative*.
 - ii. *Semi-qualitative*.
 - iii. *Quantitative*.
 - iv. *Semi-quantitative*.
- A. i, ii, dan iii sahaja.
 - B. i, ii, dan iv sahaja.
 - C. i, iii, dan iv sahaja.
 - D. ii, iii dan iv sahaja.
37. Risiko matrik pada tahap rendah memerlukan:
- A. Pendekatan yang terancang mengawal hazard.
 - B. Diterima dan dibetulkan sekiranya perlu.
 - C. Dikawal dengan kaedah sementara dan perlu pemantauan dan rekod.
 - D. Dikawal dengan kadar segera dan terperinci.
38. *Hygiene* membawa maksud:
- A. Menyediakan almari pakaian yang mengasingkan pakaian kerja dan biasa.
 - B. Menyelia kekemasan anggota badan pekerja dari bahaya fizikal.
 - C. Membuat pemeriksaan ujian darah dan air kencing.
 - D. Melaksanakan *toolbox meeting* dan senaman setiap pagi.
39. Kesihatan di tempat kerja dan undang-undang keselamatan perlu dilaksanakan oleh:
- A. Majikan dan orang yang bekerja sendiri.
 - B. Pekerja.
 - C. Orang yang mempunyai kawalan tempat kerja.
 - D. Semua di atas.
40. Semua di bawah adalah pernyataan yang benar berkenaan kecederaan terbakar tahap 3, kecuali:
- A. Boleh membawa maut dan kecacatan kekal.
 - B. Terbakar sehingga lapisan dermis.
 - C. Luka berparut dan berkerak.
 - D. Tidak rasa sakit, akibat kebas pada saraf.

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" in capital letters, indicating that the exam is open.

41. Kenyataan yang benar berkenaan pemadam api jenis air adalah:
- A. Boleh memadam kebakaran bahan logam.
 - B. Boleh memadam kebakaran bahan cecair dan gas.
 - C. Boleh memadam kebakaran peralatan elektrik.
 - D. Boleh memadam kebakaran bahan pepejal.
42. Perlindungan kebakaran jenis aktif adalah seperti di bawah, kecuali:
- A. Pili bomba.
 - B. Pengesan haba dan asap.
 - C. Pintu rintangan api.
 - D. Penggera pecah kaca.
43. Berikut adalah bahan di bawah kawalan RoHS, kecuali:
- A. *Lead.*
 - B. *Hydrochloric Acid.*
 - C. *Hexavalent Mercury.*
 - D. *Cadmium.*
44. Tindakan di bawah wajar dilakukan apabila berlaku kecederaan terbakar yang teruk, kecuali:
- A. Menyapu minyak pada kawasan cedera.
 - B. Menutup kawasan cedera dengan kain bersih, sejuk dan lembap.
 - C. Memeriksa nadi mangsa dan pastikan mangsa bernafas.
 - D. Meninggikan bahagian terbakar dan elakkan tekanan.
45. *Hawk's Nest Tragedy* adalah berkenaan penyakit pekerjaan berkaitan:
- A. Habuk silika.
 - B. Asbestos.
 - C. Gention fiber.
 - D. Radioaktif.
46. Berikut adalah penyakit pekerjaan yang digazetkan, kecuali:
- A. *Occupational lung diseases.*
 - B. *Musculoskeletal diseases.*
 - C. *Reproductive system diseases.*
 - D. *Smoking and drinking addiction diseases.*
47. MSDS bermaksud:
- A. *Material secure data sheets.*
 - B. *Material safety data sheets.*
 - C. *Material secure data substances.*
 - D. *Material safety data substances.*



TERBUKA

48. Klasifikasi bahan kimia berdasarkan kesan ke atas kesihatan adalah:
- A. Meletup.
 - B. Memudaratkan.
 - C. Mudah bakar.
 - D. Mudah teroksida.
49. Agen biologi adalah seperti berikut, kecuali:
- A. *Anthrax* dan *juandice*.
 - B. Alga dan kulat.
 - C. Virus dan bakteria.
 - D. Alkali dan asid.
50. DGHS bermaksud:
- A. *Dangerous Goods Hazardous Substances*.
 - B. *Director General of Health Services*.
 - C. *Danger Goods Hazard Substances*.
 - D. *Director General of Health Safety*.
51. Berikut merupakan piawaian biologi yang di nyatakan ACGIH, kecuali:
- A. Pemantauan kesihatan.
 - B. Ujian air kencing.
 - C. *Safety operating procedure*.
 - D. Ujian darah.

52.



RAJAH S52

RAJAH S52 menunjukkan simbol bagi:

- A. Terbakar tapi mudah dikawal.
- B. Sangat mudah terbakar.
- C. Mudah terbakar.
- D. Mudah teroksida.

TERBUKA

53. Kaedah kawalan dan pencegahan hazad biologi adalah seperti di bawah, kecuali:
- A. Program kesihatan pekerja.
 - B. Pensijilan kompetensi NADOPOD.
 - C. Kabinet khas hazad biologi.
 - D. Reka bentuk kejuruteraan bangunan.
54. HEPA memberi maksud di dalam KKP sebagai:
- A. Hal ehwal pelajar.
 - B. *High-Efficiency Particulate Air*.
 - C. *High Effect Particle Agent*.
 - D. *Health Enviromental Particle Agent*.
55. Pilih penyakit yang diklasifikasikan sebagai penyakit Biohazard tahap 4.
- A. Virus Ebola.
 - B. Virus Ecoli.
 - C. *Varicella*.
 - D. Malaria.
56. Berikut adalah peralatan dan sistem yang terdapat pada makmal Biohazard tahap 4, kecuali:
- A. Penutup hidung.
 - B. Sistem pancuran air.
 - C. *Segregated air supply*.
 - D. Bilik lampu *ultraviolet*.
57. Di antara berikut yang manakah merupakan punca kemalangan disebabkan oleh keadaan kerja:
- A. Bahagian mesin yang bergerak seperti gear dan takal.
 - B. Tumpahan minyak atau gris di lantai.
 - C. Logam keras yang berbucu tajam.
 - D. Serpihan logam atau tatal yang panas dan tajam.
58. Pada tahun 1967, *International Labour Office* telah melaporkan bahawa 85% daripada kemalangan industri disebabkan oleh:
- A. Sikap cuai pekerja.
 - B. Pesekitaran kerja tidak selamat.
 - C. Faktor teknikal mesin dan peralatan.
 - D. Kurang kemahiran dan latihan.



TERBUKA

59. Faedah-faedah yang akan diperolehi oleh seseorang guru teknikal sekiranya mengamalkan falsafah keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah:
- Mengurangkan kadar kemalangan pelajar semasa aktiviti di bengkel.
 - Tingkah laku pelajar dapat dikawal dan diperbaiki.
 - Mengurangkan kos penyenggaraan alatan dan mesin dalam bengkel.
 - Mengurangkan masa mengesan dan memperoleh alatan yang telah disusun teratur.
- i, ii, dan iii sahaja.
 - i, ii, dan iv sahaja.
 - i, iii, dan iv sahaja.
 - ii, iii dan iv sahaja.
60. Mengapakah dalam hal berkaitan KKP mencegah adalah lebih baik daripada merawat?
- Mengurangkan risiko kesihatan kepada semua.
 - Menanamkan sikap berhati-hati pekerja terhadap pekerjaan mereka.
 - Mengelakkan terdedah kepada sebarang unsur kemalangan.
 - Mengurangkan kos perbelanjaan perubatan.
61. Berikut adalah HIRARC, kecuali:
- Untuk membolehkan kawalan untuk pencegahan dari berlaku semula.
 - Untuk mempertimbangkan kebarangkalian bahaya dan keterukan.
 - Untuk mengenalpasti hazard yang berpotensi menyebabkan kemudaratan.
 - Untuk menyiasat bagaimana dan kenapa kemalangan boleh berlaku.
62. Mengumpul dan menganalisis data sesuatu kemalangan bertujuan untuk mengenalpasti:
- Keadaan dan status mangsa.
 - Kos yang terlibat dan anggaran kerugian.
 - Punca-punca kemalangan.
 - Siapa yang bersalah dan tindakan yang perlu diambil.
63. Jawatan kuasa keselamatan dan kesihatan akan ditubuhkan bila permohonan dibuat oleh:
- Majikan sahaja.
 - Pekerja sahaja.
 - Pegawai penyiasat JKKP.
 - Pekerja dan majikan.
64. Semua kejadian tidak diingini hendaklah dilaporkan kerana:
- Seseorang yang bersalah mesti dihukum.
 - Ganti rugi dan denda perlu dibayar.
 - Mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku semula.
 - Menjaga nama dan maruah organisasi.

TERBUKA

65. Api terjadi daripada hasil tindak balas elemen-elemen:
- Haba.
 - Bahanapi.
 - Oksigen.
 - Karbon dioksida.
- A. i, ii, dan iii sahaja.
B. i, ii, dan iv sahaja.
C. i, iii, dan iv sahaja.
D. ii, iii dan iv sahaja.
66. Bahaya-bahaya kesihatan pekerjaan ditangani oleh peraturan, yang manakah di antara bahaya berikut tidak dilindungi oleh peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Terdedah kepada bunyi.
 - Had bebanan yang boleh diangkat oleh pekerja.
 - Terdedah kepada bahan radioaktif.
 - Terdedah kepada bahan kimia toksik.
67. Apakah program yang paling sesuai untuk memberikan pendedahan awal kepada pekerja tentang peripentingnya keselamatan dan kesihatan pekerjaan?
- Lawatan ke JKPP dan agensi-agensi yang berkaitan.
 - Kempen-kempen keselamatan dan kesihatan.
 - Memberi contoh tauladan dan budaya kerja selamat.
 - Taklimat oleh pegawai keselamatan dan kesihatan.
68. Bilakah topi keselamatan di gunakan di tapak pembinaan?
- Setiap masa berada di tapak.
 - Sewaktu hari hujan dan panas.
 - Sewaktu taklimat dan perjumpaan keselamatan.
 - Sewaktu berhadapan dengan bahaya.
69. Berikut adalah kes yang membabitkan hazad ergonomik:
- Berkerja dalam keadaan tekanan tinggi.
 - Operator pemasangan berdiri waktu bekerja.
 - Kerja di pelantar minyak dan gas.
 - Jurutaip komputer.
- A. i dan ii sahaja.
B. i, dan iii sahaja.
C. ii dan iv sahaja.
D. iii dan iv sahaja.

70. Apabila mengangkat beban , anda harus sentiasa cuba:
- A. Memanggil bantuan rakan dan menggunakan troli.
 - B. Lutut kekal tegak dan bengkokkan belakang anda.
 - C. Meletakkan beban di atas bahu.
 - D. Mengagihkan kepada bebanan lebih kecil dan ringan.
71. Bahaya yang paling besar kepada pekerja yang mengalami renjatan elektrik adalah akibat daripada:
- A. Pengaliran arus.
 - B. Peralatan elektrik rosak.
 - C. Fius terputus.
 - D. Pengaliran voltan.
72. Tahap kebisingan diukur dalam unit:
- A. *Decibel*, dB.
 - B. *Decimel*, dB.
 - C. *Hertz*, Hz.
 - D. *Kilo hertz*, KHz.
73. Kebakaran yang melibatkan bahan cecair dan gas sesuai dipadamkan dengan menggunakan:
- A. Buih.
 - B. Air.
 - C. Serbuk ABC.
 - D. Karbon dioksida.
74. Berikut merupakan kaedah kawalan dan pencegahan tekanan pekerjaan, kecuali:
- A. Pengenalpastian tekanan.
 - B. Perbincangan tekanan.
 - C. Penilaian tekanan.
 - D. Program anti-tekanan.
75. Tujuan mempercepatkan siasatan adalah seperti di bawah, kecuali:
- A. Bagi meningkatkan komitmen dan tindakan majikan mengelakkan tragedi berulang.
 - B. Bagi mempercepatkan proses tuntutan pampasan dan dakwaan ke atas pesalah.
 - C. Bagi meningkatkan moral, motivasi dan keyakinan pekerja terhadap pengurusan.
 - D. Bagi memastikan tidak berlaku perubahan dan gangguan pada lokasi dan bukti kajian.

TERBUKA

76. Urutan fasa-fasa yang tepat dalam proses penyiasatan adalah:
- Temubual saksi, rekod bukti, laporan siasatan, tindakan.
 - Asingkan lokasi kemalangan, rekod bukti, kenalpasti saksi, temubual saksi.
 - Laporan siasatan, perbincangan, pemberitahuan kepada PBT, kesimpulan.
 - Perbincangan, tindakan, perbincangan, kesimpulan.
- i, dan ii sahaja.
 - ii, dan iii sahaja.
 - iii, dan iv sahaja.
 - i dan iv sahaja.
77. Saksi primer adalah:
- Mangsa kejadian yang terselamat.
 - Bukan mangsa kejadian tetapi dapat melihat kejadian tersebut.
 - Individu yang arif berkenaan kemalangan dan hadir paling awal selepas kejadian.
 - Bukti yang diterima daripada rakaman kamera litar tertutup.
78. Pilih pernyataan yang salah.
- Risiko = keterukkan x kebarangkalian.
 - EC – *Engineering Control*; contoh membina dinding atau bilik khas.
 - Penyataan, kurang daripada 4 hari cuti sakit adalah penilaian dari kaedah kualitatif.
 - Risiko yang dikenalpasti rendah boleh diabaikan dan hanya direkod oleh organisasi.
79. Laporan analisis kemalangan akan dilaksanakan apabila perkara ini berlaku:
- Tidak berlaku perubahan kepada tugas kerja pekerja.
 - Rawatan menggunakan peti kecemasan.
 - Mangsa tidak sedar kan diri dan perlu di bawa ke hospital.
 - Mangsa tidak mengambil cuti sakit dan menyambung kerja semula.
80. 5M yang terdapat dalam kaedah analisis tulang ikan, adalah:
- Masalah 1, Masalah 2, Masalah 3, Masalah 4, Masalah 5.
 - Machine, method, material, man, mother nature.*
 - Management, media, mission, maintenance, material.*
 - Measurement, maintenance, man, material, miscellaneous.*

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA